



## KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

*Ministry of Agriculture and Food Security*

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : [www.kpkm.gov.my](http://www.kpkm.gov.my)

---

## SIARAN MEDIA

### **MALAYSIA TUAN RUMAH MESYUARAT MENTERI-MENTERI ASEAN MENGENAI PERTANIAN DAN PERHUTANAN (AMAF) KALI KE-45**

**PUTRAJAYA, 1 OKTOBER 2023** – Malaysia menjadi tuan rumah kepada penganjuran Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Pertanian Dan Perhutanan (AMAF) kali ke - 45 bermula esok sehingga Jumaat, di Kuala Lumpur.

Mesyuarat ini akan dirasmikan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YB Datuk Seri Haji Mohamad Bin Sabu dengan dihadiri oleh Menteri dan Timbalan Menteri Pertanian ASEAN lain terdiri daripada Negara Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Mesyuarat AMAF merupakan mesyuarat berjadual di bawah rangka kerjasama sektor pertanian ASEAN yang telah diadakan sejak tahun 1968. Mesyuarat tahunan ini dianjurkan secara bergilir dikalangan sepuluh (10) Negara Anggota ASEAN (AMS), khusus kepada sektor pertanian dan perhutanan, termasuk sub-sektor komoditi dan makanan.

Penganjuran Mesyuarat AMAF akan disusuli dengan Mesyuarat AMAF Campur 3, yang melibatkan 10 negara anggota ASEAN dan 3 rakan dialog strategik ASEAN iaitu Republik Rakyat China (RRC), Jepun dan Republik Korea. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) merupakan titik fokal untuk AMAF dan SOM AMAF di Malaysia. Kali terakhir Malaysia menjadi tuan rumah kepada penganjuran Mesyuarat AMAF dan Mesyuarat AMAF Campur 3 adalah pada tahun 2013 di Kuala Lumpur.

Mesyuarat ini merupakan satu platform bagi AMS membincang dan mengetengahkan isu-isu berkaitan pertanian dan perhutanan di rantau ini. Ia juga menjadi payung kepada badan-badan sektoral yang memberikan fokus lebih khusus merangkumi elemen dan disiplin-disiplin pertanian yang lain.

Tema AMAF pada tahun ini ialah “*Growing Together: Advancing ASEAN Agriculture And Forestry For Sustainable Development*”. Tema ini amat relevan dengan visi kerjasama ASEAN dalam sektor pertanian dan makanan iaitu untuk mewujudkan sektor makanan, pertanian dan perhutanan (FAF) yang berdaya saing, inklusif, berdaya tahan dan mampan serta bersepadu dengan ekonomi global.

Pada masa kini, bidang khusus di bawah kerjasama ASEAN dalam pertanian dan makanan adalah merangkumi sekuriti makanan, keselamatan makanan, makanan halal, tanaman, ternakan, latihan dan pengembangan pertanian, koperasi pertanian, dan kerjasama bersama dalam skim promosi pertanian juga hasil hutan.

Mesyuarat AMAF kali ini juga dijangka akan membincangkan secara lebih lanjut inisiatif dan kerjasama pertanian antara ASEAN dan rakan dialog dalam usaha melaksanakan *ASEAN Guideline on Sustainable Agriculture* yang telah diterima pada Mesyuarat AMAF ke-44 pada tahun lepas.

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
1 OKTOBER 2023**